



PKNS

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada **Pengusaha Taska** yang berdaftar dengan **Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)** bagi kerja-kerja berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH TENDER DITUTUP
<u>Tajuk Projek:</u> PENGENDALIAN PERKHIDMATAN TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK (TASKA) TASKA MUTIARA PKNS BAGI TAHUN 2026 - 2028 <u>No. Tawaran:</u> PKNS/TASKA(BSM)KONT-1/2025	Berdaftar dengan <u>JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM)</u> DAN <u>KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (KKM)</u> Kod Bidang : 040101, 040102, 040103, 221101, 221110 dan 221506	BAHAGIAN PEROLEHAN, TINGKAT 2, BLOK D, IBU PEJABAT PKNS, NO. 2, JALAN INDAH 14/8, SEKSYEN 14, SHAH ALAM, SELANGOR. <u>Pada :</u> 19 Ogos 2025 hingga 25 Ogos 2025 <u>Jam:</u> 9:00 Pagi hingga 4:00 Petang	11 September 2025 (Khamis) Jam 12:00 Tengah Hari

1. Keutamaan diberikan sekiranya petender / syarikat memiliki pensijilan dan pengalaman kerja seperti yang disenaraikan di bawah :-

- i) Sistem Pengurusan Kualiti (MS ISO 9001:2015)
- ii) Sistem Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (MS ISO 45001:2018)
- iii) Sistem Pengurusan Alam Sekitar (MS ISO 14001 : 2015)

(Salinan sijil atau apa jua bukti hendaklah dikemukakan bersama dokumen tender / tawaran)

2. Syarikat yang berminat juga wajib memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut:

- i) Mempunyai Modal Kewangan sekurang-kurangnya **RM 140,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Empat Puluh Ribu Sahaja);**
- ii) Mempunyai pengalaman kerja sebanding bagi **penyediaan perkhidmatan Taska;**
- iii) Mempunyai sijil **Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak (KAAK)** atau **Kursus Asuhan PERMATA yang diiktiraf JKM.**

3. Dokumen Tender akan dijual pada harga **RM50.00 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Sahaja)** **(bayaran ini tidak akan dikembalikan)**. Bayaran pembelian dokumen tender boleh dibuat seperti berikut:-
 - i) Melalui **Kad Debit, Kad Kredit atau Draf Bank (atas nama PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR atau PKNS)** hendaklah dibuat di **Kaunter Pembayaran di Tingkat Bawah, Blok B, Bangunan Ibu Pejabat PKNS Shah Alam** dan mendapatkan resit pembayaran sebelum hadir ke Bahagian Perolehan untuk mengambil Dokumen Tender.
4. Naskah Dokumen Meja Tawaran boleh disemak di Bahagian Perolehan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor pada waktu pejabat bermula **19 Ogos 2025**.
5. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada Syarikat atau wakil yang sah sahaja. Sekiranya pihak Syarikat ingin menghantar wakil, sila bawa bersama surat perwakilan kuasa. Syarikat dikehendaki membawa **SURAT PERWAKILAN KUASA, DOKUMEN ASAL PERAKUAN PENDAFTARAN JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM), KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (KKM) DAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)**, serta **WAJIB** membawa **SATU SALINAN** bagi setiap Sijil-Sijil tersebut semasa membeli dokumen tender.
6. Petender dinasihatkan untuk membaca dengan teliti **Senarai Semak dan Perakuan Tender** di dalam Dokumen Tender dan memahami kehendak Dokumen Tender sebelum mengemukakan Dokumen Tender.
7. Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:-

BAHAGIAN PEROLEHAN
TINGKAT 2, BLOK D, BANGUNAN IBU PEJABAT PKNS,
NO. 2, JALAN INDAH 14/8, SEKSYEN 14,
40000 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN
No. Tel: 03-5525 0300
<http://etender.pkns.gov.my>

8. Tender yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dilayan. Perbadanan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran lain.